

# Minat dorong pasangan buka perniagaan

» Pengusaha kongsi pandangan, teknik tanaman hasil pokok hiasan berkualiti

Oleh Nor Hazwani Hamat  
bhjb@bharian.com.my

Johor Bahru

**M**inat mendalam terhadap tumbuhan mendorong sepasang suami isteri berbudi kepada tanah dengan membuka kedai pelbagai pokok hiasan dan buahan, sejak dua tahun lalu.

Kedai yang terletak di persimpangan lampu isyarat di Jalan Padi Mahsuri, dekat sini, diperlukan pelbagai pilihan pokok bunga dan hiasan, selain pokok buah-buahan.

#### Beri kepuasan

Mohd Noor Abdul Talib, 46, berkata pembukaan kedai itu memberi kepuasan kepada mereka dan isteri, Norlin Johan Lani, 44, kerana

selari dengan minat mereka. "Isteri saya suka berkebun dengan menanam pelbagai jenis pokok. Berdasarkan minat dan kelebihan yang ada padanya, timbul ilham membuka kedai pokok hiasan dan buah-buahan."

"Pada awalnya saya hanya memfokuskan jualan baja penyubur tanah, namun permintaan terhadap pokok bunga dan anak pokok buah yang semakin meningkat menyebabkan saya turut menjual pelbagai jenis pokok," katanya.

Mohd Noor berkata, bermula dengan modal RM120,000, beliau kini memiliki lebih 200 spesies pokok hiasan dan buah tempatan yang dijual dengan harga serendah RM3 sehingga RM300 ke atas.

Katanya, selain menjual pokok hiasan dan buahan, beliau turut menawarkan khidmat kepada pihak berminat termasuk jabatan di sekitar ne-

#### FAKTA NOMBOR

30 jenis anak pokok buah tempatan dijual

200 spesies pokok ditawarkan

Indonesia.

"Selain memfokuskan kepada tanaman pokok hiasan dan bunga, kami juga mempunyai lebih

geri ini menyediakan hiasan landskap dan dekorasi untuk majlis tertentu.

"Pelbagai jenis pokok hiasan sering mendapat sambutan hangat pelanggan termasuk pokok mahkota berduri, bunga kertas, tanduk rusa dan buluh hitam diimport dari

30 jenis anak pokok buah tempatan termasuk nangka, rambutan dan durian," katanya.

Mohd Noor berkata, menjadi pengusaha pokok hiasan memiliki cabaran tersendiri jika tidak memiliki ilmu dan teknik penanaman yang betul sehingga boleh menyebabkan pokok yang dihasilkan mati.

Katanya, beliau bernasib baik kerana Norlin memiliki tauliah dalam bidang pertanian ketika pengajiannya dulu, selain saling berkongsi pandangan dan teknik penjagaan pokok bagi memastikannya sentiasa subur sebelum

dijual kepada orang ramai.

"Menerusi pengalaman menjaga pokok ini, saya belajar bagaimana untuk bersabar dengan kerenah pokok. Bukan semua pokok senang dijaga, pokok juga seperti manusia kerana jika tidak dibelai, ia akan merajuk dan mati," katanya.

#### Tawar diskau

Mohd Noor berkata, sempena perayaan Krismas ini, pihaknya menawarkan 10 peratus diskau kepada pelanggan yang berminat untuk membeli pokok hiasan dan buahan di kedainya.

## Perkenal fesyen konsep retro

**Johor Bahru:** Jenama pakaian pejabat dan kasual terkenal, BIEM, memperkenalkan koleksi pakaian terbaru yang berkonsen pada gaya hidup retro 1960-an dan 1970-an.

#### Gaya artis Hollywood

Koleksi retro itu turut memaparkan corak fesyen menarik dan bergaya termasuk gaya yang pernah dipopularkan artis Hollywood pada era berkenaan.

Pengurus Barang Jordone Corporation Sdn Bhd, Niki Leng Sow Wai, berkata menerusi rekaan koleksi itu, pihaknya berharap ia dapat memenuhi kehendak pelanggan setia dengan memperkenalkan fesyen terkini.

"Sempena musim luruh dan sejuk ini, BIEM sekali lagi memperkenalkan rekaan yang menarik dengan mengekalkan ciri eksklusif BIEM yang sering menggunakan warna terang seperti merah, putih, hijau, ungu dan biru."

"Bagi koleksi lelaki, kami me-

nyediakan koleksi baju t dan polo selain rekaan seluar slacks yang menawan dengan sentuhan gaya klasik dan moden," katanya.

Sow Wai berkata, untuk rekaan wanita pula, BIEM menampilkan koleksi yang dicipta khas

**Untuk rekaan wanita pula, BIEM menampilkan koleksi yang dicipta khas bagi golongan yang berjiwa bebas, keyakinan tinggi serta kehidupan glamor"**

Niki Leng Sow Wai,  
Pengurus Barang Jordone Corporation Sdn Bhd

bagi golongan berkenaan yang berjiwa bebas, keyakinan tinggi serta kehidupan glamor.

#### Rekaan rona tebal, gelap

"Khusus untuk wanita, BIEM menampilkan rekaan yang menggunakan rona tebal dan gelap yang diharapkan dapat memenuhi keinginan mereka dalam mengharungi kehidupan masa kini yang mencabar."

"Koleksi ini merangkumi beberapa jenis pakaian seperti blazer, chiffon, tali pinggang, skirt, seluar dan blaus dengan corak pakaian yang lebih elegan kepada pemakainya," katanya.

Sow Wai berkata, koleksi terbaru BIEM itu boleh didapatkan di butiknya di AEON Tebrau City dan pasar raya terpilih seperti Parkson, Sogo dan The Store dengan harga berpatutan bermula RM79.90 hingga RM399.90.

Maklumat lanjut mengenai koleksi pakaian berkenaan boleh didapati dengan melayari face book BIEM.



Sow Wai menunjukkan sebahagian koleksi terbaru ketika ditemui di butik BIEM di AEON Tebrau City, Johor Bahru.



Mohd Noor (kanan) bersama Norlin melayan pelanggan yang ingin membeli pokok hiasan di kedainya di Jalan Padi Mahsuri, Johor Bahru.

[FOTO ZAIN AHMED/BH]